

12/08/2000

Pelancaran studio E-Village acara utama Ekspo MSC

PERSIDANGAN Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) Koridor Raya Multimedia (MSC) kali ke-4 yang akan berlangsung pada 7 hingga 9 September depan akan turut membabitkan pameran Ekspo MSC 2000.

Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah, berkata ekspo itu akan diadakan dari 8 hingga 10 September di Pusat Pameran Mines, Seri Kembangan, Selangor.

Beliau berkata, antara acara utama yang akan diadakan ialah pelancaran studio E-Village di Dengkil pada 8 September 2000 yang juga sebahagian daripada projek pembangunan Cyberjaya.

"Ekspo tiga hari itu akan mempamerkan teknologi terkini dan pelbagai produk berkaitan daripada syarikat penyedia penyelesaian serta pembekal teknologi," katanya.

Dr Othman berkata, persidangan kali ini membawa tema "Penyelesaian Inovatif Menerusi Perkongsian Sejagat", akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, antara isu yang akan dibincangkan antara 12 anggota dan 15 perwakilan di mesyuarat itu termasuk pembangunan protokol aplikasi tanpa wayar berbanding talian tetap, piawai telekomunikasi dan kesan terhadap pasaran serta teknologi.

Katanya, isu berkenaan akan membolehkan kerajaan memperolehi maklumbalas dan pandangan dalam melaksanakan arah tuju serta polisi MSC pada masa depan.

Antara ahli IAP yang dijangka hadir ialah Pengerusi Acer Group, Datuk Dr Stan Shih; Pengerusi dan Ketua Eksekutif Silicon Graphics, Bob Bishop; Pengerusi Madge Networks, Robert Madge; Ahli Lembaga Kanan NEC Corporation, Datuk Dr Tadahiro Sekimoto; Pengerusi Fujitsu Ltd, Tadashi Sekizawa dan Naib Pengerusi Lucent Technologies, Ben Werwaayen.

(END)